

DI SEKELILING PERJUANGAN UMAT ISLAM INDONESIA

GARIS POKOK PERJUANGAN MASYUMI

Rencana yang berharga ini yang tersiar di dalam majalah “”Suara parti Masyumi” ditulis oleh Tuan Muhammad ‘Isā Anshari seorang jaguh Islam yang terkenal menggambarkan garis pokok perjuangan Masyumi dan perjuangan yang sedang ditempuh oleh umat Islam di sana sebagai menegakkan negara Islam Indonesia.- P.Q.

(Oleh Muhammad Isa Anshari)



Tahukah saudara apa yang ditakuti oleh kaum penjajah Belanda dahulu? Yang sangat ditakutinya ialah umat Islam akan berpolitik.

Tidak ada bahaya dan bencana besar yang dirasakan oleh kaum penjajah itu, selain daripada umat Islam akan berjuang dalam soal-soal politik.

Dengan berbagai-bagai jalan, secara halus dan kasar, kaum penjajah berdaya upaya menjalankan politik pengasingnya, supaya Islam jangan bergerak dalam politik.

Di sekolah-sekolah yang mereka dirikan, anak-anak Indonesia dididik juangnya, dan ditanamkan kepada mereka, bahawa agama dan politik jangan disatukan.

Kita kerap kali mendengar perkataan;: Pemisahan antara gereja dan negara.

Kaedah itu betul dan tidak betul.

Betul untuk gereja, untuk agama Nasrani.

Tidak betul untuk masjid, untuk agama Islam.

Yang betul untuk agama Nasrani itu, mereka pula hendak bawa kepada kita.

Saudara kerap kali mendengar ucapan kaum terpelajar.

Kaum kebangsaan, kaum anti agama atau berkecuali agama yang hendak memisahkan agama dari negara.

Dengan angkuh dan sombongnya kaum ini mengatakan: agama dan politik mesti dipisahkan.

Masjid dan negara jangan dipersatukan, Kata mereka.

Tahukah saudara asalnya perkataan di atas?

Asalnya ialah didikan yang mereka terima dari kaum imperialis, dari kaum penjajah.

Dari sekolah rendah, sampai sekolah mengenah, meningkat ke sekolah tinggi, mereka mendapat didikan dari kaum penjajah, bahawa agama dan politik mesti dipisahkan.

Setelah mereka lulus dari sekolah tinggi, mendapat title Dr. Ir., Mr., mereka kembali ke masyarakat bangsanya.

Di dalam masyarakat bangsanya itu mereka ditempatkan sebagai pemimpin, pemimpin terpelajar, pemimpin yang hendak memimpin perjuangan bangsa.

Yang mula-mula mereka katakan kepada bangsanya ialah:

Islam dan politik hendaklah terpisah.

Faham ini terlebih dahulu yang mereka tanamkan kerana itu yang mereka terima sebagai “amanah” rupanya dari guru-guru kaum penjajah pendidik mereka.

Penjajahan kebudayaan yang mereka bawa ke tengah-tengah masyarakat kita sekarang, walaupun Indonesia telah lepas dari ganggas penjajahan.

Dalam pada itu tidak malu mereka menamakan dirinya: “Anti penjajahan, anti imperialis.”

Adakah anti namanya, kalau aliran kolonial, faham penjajahan, kebudayaan, imperialis, hendak mereka pelihara terus, untuk “membunuh” umat Islam, supaya umat Islam jangan membawa-bawa agama ke dalam politik?

Ejen Imperialis

Dipandang dari sudut falsafah hidup, dilihat dari segi ideologi politik kenegaraan, kaum yang hendak memisahkan agama dari politik itu sebenarnya adalah ejen imperialis yang hendak menjual umat Islam, yang hendak membunuh agama Islam supaya lenyap cahayanya dari tanah Indonesia.

Mereka hendak membunuh ideologi umat Islam dan hendak melancarkan “aliran kafir”. Aliran anti iman dan anti tawhid, anti hukum syariat Islam supaya jangan dapat dijalankan di tanah air kita.

Golongan ini sekarang adalah sedang bekerja keras dalam perkumpulan-perkumpulan Islam yang tidak berdasar politik, yang menjadi anggota istimewa dari parti kita.

Golongan ini sekarang giat dan sanggup hendak memecahkan kita, meracuni jantung tubuh kesatuan parti kita.

Kadang-kadang merasa tikaman pisau belati dengan cara sembunyi datang menusuk dada kita. Tandang belakang menandang batang tubuh perjuangan kita, yang datang dari kaum yang anti kepada ideologi kita, lawan ideologi kita.

Mereka tidak senang melihat kita bersatu dalam parti

Masyumi. Mereka menganjing kita, mentertawakan kita. Segala tipu muslihat mereka lakukan untuk mematahkan segenap sendi kekuatan perjuangan kita.

Mereka gunakan berbagai-bagai jalan dan cara untuk melumpuhkan segala daya dan tenaga kita.

Segala ikhtiar dan usaha, mereka tujuhan untuk menghancurkan dan merosak binasakan susunan pertubuhan kita.

Segenap kesempatan yang ada, segala kemungkinan yang terbuka, semuanya itu mereka gunakan untuk menalan dan mematikan susunan perjuangan kita.

Kita menyusun kaum buruh, mereka ejek.

Kita menyusun kaum rakyat tani, mereka ejek.

Kita menyusun pertubuhan wanita, mereka ejek.

Pendeknya, setiap kata yang kita lahirkan, setiap ucapan yang kita kemukakan, mereka tertawakan, mereka ejek, mereka halangi. Apa di sebalik itu semua?

Di sebalik itu semua, ialah mereka tak redha Islam dibawa-bawa ke dalam politik. Mereka tidak redha Islam dibawa-bawa untuk mengatur negara. Mereka tidak redha Islam dibawa-bawa untuk mendirikan masyarakat baru.

Bagi mereka, agama hanyalah soal peribadi dengan Tuhan. Bagi mereka, agama ialah jalan ke akhirat.

Aliran Kafir

Itulah aliran kafir. Aliran yang menyangkal kebenaran dan kenyataan agama. Aliran menolak aturan Tuhan untuk masyarakat. Aliran yang endak mengatur masyarakat bukan dengan undang-undang Allah, tetapi dengan undang-undang fikirannya sendiri. Undang-undang yang lepas daripada undang-undang Tuhan. Hendak lepas dari al-Quran dan al-Hadis. Undang-undang yang lepas dari iman dan tawhid, undang-undang liar seperti yang berlaku pada kehidupan binatang jalang, hukum rimba yang mengenal wahyu dan agama, Nabi atau rasul.

Aliran di Luar Pagar

Aliran ini terkenal dengan aliran kebangsaan menganut faham nasionalisme. Terhadap agama, aliran ini bersikap berkecuali tidak memihak. Sikap berkecuali atau tidak memihak, kerap kali pula dilindungi dengan perkataan menghormati segala agama dan kepercayaan bangsa Indonesia.

Dalam parti yang berdasar nasionalisme soal-soal agama tidak boleh dibicarakan. Agama tidak menjadi bahan perbicaraan, tidak menjadi pokok fikiran dan pertimbangan.

Pintu parti kebangsaan terbuka bagi segala orang, tidak pandang agama dan kepercayaan, tidak pandang keyakinan apa yang dipeluknya. Islam atau Kristian, Buddha atau Majusi, boleh masuk ke dalamnya, Dan untuk menjaga persatuan kebangsaan, di dalam parti, agama tidak boleh dibawa-bawa, bukan sahaja ideologi agama, tetapi soal kepercayaan dan aqidah pun tidak boleh menjadi persoalan. Lebih tegas, aliran berkecuali atau nasionalisme ini, sama sekali tidak mengambil endah kepada soal-soal agama, tidak memikirkan soal-soal agama.

Jalan dan pokok fikiran aliran ini bersamaan benar dengan aliran yang kita terangkan di atas tadi, ialah hendak dipisahkan agama dari masyarakat. Hendak memisahkan Islam dari politik. Bagi mereka, agaa ialah soal perseorangan dengan Tuhan, soal peribadi dengan penciptanya.

Agama menuju jalan ke akhirat, politik menyelenggarakan soal-soal dunia. Oleh sebab itu janganlah agama dibawa-bawa ke dalam politik, atau politi dicampur baurkan dengan agama-begitu faham dan keyakinan mereka.

Ideologi kenegaraan mereka sudah tentu terlepas pula dari ideologi kenegaraan Islam, kerana terang pada dasarnya, mereka tidak suka bahkan anti membawa soal-soal agama ke dalam partinya.

Aliran Munafik

Aliran berkecuali yang tersebut, kalau kita selidiki hakikatnya berisi kemunafikan, atau tegas adalah aliran munafik.

Kalau mereka berhadapan dengan kaum Muslimin mereka mengaku umat Islam. Kalau mereka kembali kepada kaumnya mereka menyatakan kenekaran.

Golongan ini disebut di dalam al-Quran:

Wa idhā laqū al-dhīnā amanū qālū amnnā.

Wa idhā khalū ilā shayāṭīnhim qālū innā ma 'akum.

Ditinjau dari sudut perjuangan, aliran munafik ini lebih berbahaya dari aliran kafir. Si kafir sudah jelas wajah dan mukanya. Terang warna dan coraknya.

Si munafik mukanya banyak, wajahnya berbagai-bagai.

Menghadapi masyarakat kaum Muslimin tidak segan-segannya mereka membawa-bawa dalil agama sebagai alat propaganda ideologi mereka.

Bagi mereka asakan dagangnya lau dan dibeli oleh rakyat ramai, dianjurkan di segenap ceruk penerangannya supaya memakai agama sebagai alat. Dengan tipu muslihat dan siyasah yang licin, mereka hadapi kaum Muslimin, memikat hati kaum Muslimin, mengajak umat Islam “Menyerang” kepada pertubuhan mereka, meninggalkan pertubuhan Islam.

Saya katakan di atas, aliran munafik ini lebih berbahaya dari aliran kafir. Oleh kerana aliran ini ideologinya tidak tegas, tidak jelas.

Dia tidak berterang-terang memusuhi agama dengan mulutnya bahkan kata-katanya manis menghormati agama, menghormati segala agama yang ada.

Banyak kaum Muslimin tertipu oleh aliran munafik ini. Banyak orang Islam yang masuk ke dalam parti berkecuali, sedar atau tidak.

Pernah kita mendengar dari seorang kawan yang faham agamanya agak dalam bahawa masuknya “ke sana” hanya

sebagai taktik. Mahu menjelaskan impliterasi (penyerbuan dengan perlahan-lahan-P) dan sebagainya.

Kawan ini tetap mengaku sebagai orang Islam yang berideologi Islam. Biarkanlah saya-katanya-masuk parti “sana” untuk kepentingan “sini”.

Saya tidak begitu percaya dengan omongannya dan pengakuan kawan itu. Saya khuatir kawan itu dimakan taktik. Yang sudah tetap, dalam parti berkecuali agama itu, dia tidak mungkin akan dibolehkan membawa persoalan agama, baik mengenai aqaid mahu pun mengenai ideologi kenegaraan.

Mari kita lihat perjuangan Rasulullah (SAW) bukankah jihad perjuangan Rasulullah (SAW) pernah dilumpuhkan oleh kaum munafik yang pura-pura menyertai perjuangan baginda?

Saya percaya, kawan yang berideologi Islam yang memasuki parti berkecuali agama itu akan menyesal kelak, tatkala sengatnya telah tiba. Ketika kita berhadap-hadapan dengan golongan dan parti luar Islam dalam perjuangan demokrasi parliment.

Sikap Islam

Baik terhadap golongan yang berterang-terang memusuhi Islam dan kaum Muslimin, mahu pun terhadap golongan berkecuali agama yang tidak menyukai agama dibawa-bawa ke dalam gelanggang politik kenegaraan, sikap Islam sudah tegas dan jelas.

Sikap Islam yang tegas dan jelas itu, menempatkan kita kaum Muslimin supaya bersikap tegas dan jelas pula berkenaan soal ideologi dan kebaktian hidup.

Al-Quran dan al-Hadis tidak membolehkan kita menempuh jalan “kompromi” (memberi dan menerima) dalam lapangan ideologi.

Dalam lapangan ideologi dasar dan tujuan perjuangan kita tidak boleh tidak mesti bersikap tegas dan jelas.

Berlain soalnya dalam memperjuangkan ideologi

itu dalam memperjuangkan ideologi, kita mengenak siyarah, taktik dan kedudukan. Bagaimana sikap tegas dari Islam terhadap golongan dan aliran di atas? Mari fahamkan hadis Rasulullah (SAW) “*wa man lam yahtimu biamr al-muslimin. Falaysu minhum*”. “Barangsiapa tidak memikirkan menyelenggarakan urusan atau kepentingan kaum Muslimin, maka bukanlah ia termasuk golongan Muslimin”.

Di dalam al-Quran Allah Ta‘ālā berfirman: “*Wa man lam yaḥkumu bimā anzal Allāh fa’ūla’ika hum al-fāsiqūn.*”

“*Wa man lam yaḥkum bimā anzal Allāh fa’ūla’ika hum al-kāfirūn.*”

“*Wa man yaḥkumu bimā anzal Allāh fa’ūla’ika hum al-żālimūn.*”

Barang siapa yang menggunakan hukum dan undang-undang selain dari yang diturunkan Allah (Quran dan Hadis) maka mereka adalah kaum fasik, kafir dan zalim.”

Fasik dan derhaka, kerana dengan terangnya melanggar hukum dan undang-undang Allah.

Kafir dan ingkar, kerana dengan terangnya menolak hukum dan undang-undang Allah.

Zalim dan aniaya kerana dengan terangnya mengkhianati diri sendiri dan menyesatkan rakyat banyak.

Islam Jiwa Ghurafi

Benarkah itu?

Benar dan tidak benar.

Benar, angkanya, jiwanya, pengakuannya.

Mereka disunatkan secara Islam, kahwin secara Islam, dan dikuburkan secara Islam.

Ditinjau dari sudut ini, benar jumlah kita besar, benar mungkin ada 85 peratus banyaknya.

Tidak benar, kerana sebahagiannya orang yang mengakui Islam itu berdiri dalam barisan parti luar Islam, bahkan anti Islam.

Angka 85 peratus itu hanyalah Islam jiwa ghurafi.

Islam keturunan. Islam pengakuan.

Berapa peratus daripada jumlah 85 peratus itu yang memasukki parti Islam, yang menempatkan dirinya dalam barisan dan jemaah kaum Muslimin? Hanya sebahagian kecil sahaja.

Sebahagian besar dari kaum Muslimin Indoensia telah dipakai sebagai “tambang” (Perisa-P) oleh golongan yang anti Islam, musuh Islam, untuk menghadapi kaum Muslimin, untuk menghancurkan agama Islam.

Mereka telah memperkuat barisan anti Islam untuk mengalahkan umat Islam, dengan sedar atau tidak sedar.

Islam Hakiki

Bukanlah Islam jiwa ghurafi itu yang layakah dijadikan ukuran bagi umat Islam dalam menentukan jumlah dan kekuatannya.

Janganlah umat Islam berbangga diri dengan yang 85 peratus itu, kerana bukanlah jumlah yang demikian itu akan menumbuhkan tenaga dan kekuatan. Jangan diharapkan mereka akan menjadi pembela yang akan tegak di barisan umat Islam.

Tenaga pembelaan hanya dapat kita harapkan dari golongan atau manusia yang agamanya ialah Islam hakiki. Islam shahadat yang sejati.

Islam hakiki dan shahadat sejati itulah yang akan menumbuhkan Muslim sejati.

Muslim yang sanggup menjalankan setiap perintah agama, berat atau ringan. Muslim yang sanggup memperjuangkan cita-cita dan tuntutan agama, di mana sahaja dia beradam dengan segala kesanggupan dan kemampuan.

Islam menuntut tenaga pembelaan dari segenap Mukmin dan Muslim yang sejati. Islam menuntut pengorbanan dari seluruh Mukminin dan Muslimin yang telah menyerahkan dirinya

menjadi abdi dan alat bagi cita-cita agama.

Abdi dan alat yang mencintai agama lebih daripada mencintai dirinya sendiri.

Abdi dan alat wajib memelihara kehormatan dan kesucian agama lebih daripada menjaga kehormatan dirinya sendiri.

Mencintai agama, memelihara kesucian dan kehormatan agama bukan dengan ucapan dan perkataan. Tetapi dengan perbuatan dan perjuangan.

Dengan pengorbanan dan pembelaan sepenuhnya.

-bersambung

Panduan Nabi

“Jaminkanlah kepada aku enam perkara, nescaya aku akan jamin kepada kamu syurga. (Perkara-perkara yang enam itu ialah): Sembahyang, zakat, amanah, (memelihara) kemaluan, perut dan lidah.”

-maksud hadis riwayat al-Tabrānī.

*

“Iman dan amal itu dua sahabat, tidak berguna tiap-tiap satu daripada keduanya melainkan beserta temannya.”
-maksud hadis riwayat Abū Shāhīn.

*

“Ada dua orang yang tidak akan mendapat perhatian daripada Allah pada hari kiamat, iaitu: orang yang memutuskan perhubungan keluarga (silaturrahim) dan jiran yang jahat.”

-maksud hadis riwayat al-Dīlmī.

*

“Berdoalah kepada Allah dengan keadaan kamu percaya yang doa kamu akan dikabulkan, dan ketauilah bahawasanya Allah tidak akan perkenankan dia dari hati yang lali-yang tidak bersungguh-sungguh.”

-maksud hadis riwayat al-Tirmidhī dan al-Hakim.